

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

▼

17 PANAHAN EMAS OLAHRAGAWATI MASUM 2015, 2016

JUL



BANGI, SELANGOR, 17 Julai 2017 - Ikon Warga Sukan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Olahragawati MASUM 2015 dan 2016 Fatin Nur Fatehah Mat Salleh menepati ramalan apabila mudah menggondol satu emas dan satu gangsa pada hari pertama acara memanah (wanita) Sukan MASUM Fasa 2 yang sedang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Baginya, Kejohanan ini juga adalah sebagai pemanas badan buat beliau apabila bakal beraksi di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang akan berlangsung pada Ogos nanti.

Fatin, yang berasal dari Negeri di Bawah Bayu ini sentiasa beraksi konsisten dengan tunjuk ajar daripada jurulatih yang juga bekas pemanah tersohor negara Mon Redee yang sentiasa mementingkan disiplin yang positif dan mempamerkan corak taktikal bagi pemantapan aksi beliau sendiri.

Fatin yang merupakan penuntut Pusat Pengajian Sains Perubatan USM telah banyak mengharumkan nama negara dalam sukan memanah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau juga pernah memenangi beberapa kejohanan dunia iaitu Compound Wanita di Kejohanan Memanah Universiti Asia (1 emas), Kejohanan Memanah Piala Dunia 2015 (1 emas berpasukan), Kejohanan Memanah Piala Asia 2015 (1 perak berpasukan dan 1 gangsa individu), Kejohanan Memanah ASEAN 2015 (1 gangsa berpasukan), dan Sukan SEA ke-28 Singapura (3 emas untuk individu, berpasukan dan campuran).

Teks: Hafiz Meah Ghous Meah



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015